



Lembaga Minyak Sawit Malaysia
MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)



Bil Tuan / Your Ref. :

Bil. Kami / Our Ref. : (08)04/ C/ P/ 656/2/Jld. 2

**Palm Oil:
Empowering Change**

26 - 30 August 2007

Kuala Lumpur Convention Centre,
Pk (EF) MPOB 07/2007 Malaysia

22 Mei, 2007

Semua Pemegang Lesen
Kategori Estet

Tuan/ Puan,

LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan kepada perkara tersebut di atas.

Dimaklumkan bahawa YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia memandang berat tindakan sesetengah pengusaha ladang kelapa sawit yang masih ingkar mematuhi larangan pembakaran terbuka bagi melupuskan sisa buangan dan penyediaan kawasan tanam semula. Tindakan sedemikian bukan sahaja melanggar undang-undang, tetapi juga menyebabkan pencemaran udara yang boleh menjejaskan kesihatan dan aktiviti ekonomi masyarakat keseluruhannya.

Sehubungan itu, saya ingin memohon kerjasama tuan/ puan sebagai warga industri yang bertanggungjawab dan prihatin supaya menghindari daripada melakukan pembakaran terbuka lebih-lebih lagi menjelang musim kering yang akan datang tidak lama lagi. Semua bahan buangan hendaklah dikurangkan, dikitar atau digunakan semula serta dilupuskan secara mesra alam. Pembakaran terbuka bagi tujuan penyediaan kawasan penanaman baru atau tanaman semula hendaklah dielakkan dan sebagai alternatif pihak tuan/ puan disarankan menggunakan kaedah pembakaran sifar seperti yang disyorkan oleh MPOB.

Ibu Pejabat

6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. Peti Surat 10620, 50720 Kuala Lumpur, Malaysia.

Teleks: MA 31609. Telefon: 603-8769 4400. Faks: 603-8925 9446

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI, MALAYSIA

Kerjasama tuan/ puan di dalam melaksanakan tanggungjawab sosial ini amatlah dihargai dan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

MESRA, ADIL, TEGAS, AMANAH

Yang benar,



DATO' DR. MOHD. BASRI BIN WAHID
Ketua Pengarah
MPOB

s.k i. MPOA
 ii. EMPA
 iii. NASH